

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI SELASA, 14 MEI 2024, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 1 (A45)**

PKPDK adalah satu pertubuhan yang diwujudkan bagi membantu pengurusan golongan orang kurang upaya. Apakah pihak JKM menyediakan modul atau mengadakan Kursus Asas bagi petugas PKPDK supaya petugas ini tahu etika kerja atau tanggung jawab mereka dalam mengendalikan pelatih OKU ini?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 2 (A38)**

Adakah kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan untuk membaik pulih sekolah-sekolah agama yang semakin daif dan banyak kerosakan dan setakat tahun 2024 ini, berapakah sekolah agama dalam DUN Endau yang telah menerima peruntukan untuk dibaik pulih?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 3 (A141)**

Mohon nyatakan usaha kerajaan negeri dalam memastikan sekolah agama khususnya di luar bandar dilengkapi dengan infrastruktur dan kelengkapan yang terkini dan terbaik.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 4 (A211)**

Mohon kerajaan negeri membuat pendawaian semula bagi Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKNJ) yang telah berusia melebihi 30 tahun.

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 5 (A82)

Apakah pelan cadangan/perancangan strategik kerajaan bagi menyediakan prasarana khusus yang boleh membantu adaptasi perubahan iklim di peringkat lokaliti? Terutamanya melibatkan kesan banjir, kemarau, penyusutan sumber bekalan air dan sumber makanan.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 6 (A12)

Apakah rancangan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah *global warming*? Diminta pencerahan secara teliti keseluruhan projek yang berkenaan.

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 7 (A197)

Berapakah peratusan pencapaian pelaksanaan STEM Peringkat sekolah rendah dan menengah sehingga kini dan bilakah jangkaan masa Dasar Pendidikan Negara berkaitan pelaksanaan STEM sebanyak 60% dapat dilaksanakan sepenuhnya?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 8 (A124)

Adakah pihak Yayasan Warisan Johor masih mengadakan program-program seperti pengajaran zapin, seni muzik di sekolah-sekolah?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 9 (A92)

Apakah usaha kerajaan untuk memperkenalkan sosiobudaya masyarakat Orang Asli kepada masyarakat umum?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 10 (A169)

Masyarakat Orang Asli adalah merupakan sebahagian daripada komuniti penduduk dalam negeri Johor. Apakah usaha kerajaan Johor untuk memperkenalkan sosiobudaya masyarakat Orang Asli kepada masyarakat umum.

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 11 (A52)

Kebanyakan pembeli yang berjaya dalam proses undian mengalami kesukaran dalam mendapatkan kemudahan pembiayaan Rumah Mampu Biaya Johor. Apakah langkah kerajaan negeri dalam mengatasi masalah ini.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 12 (A145)

Apakah tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil terhadap individu atau syarikat yang melakukan tumpahan simen di permukaan jalan raya dan membahayakan pengguna jalan raya khususnya penunggang motosikal?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 13 (A22)

Sejauh mana keberkesanan pelaksanaan Sukan Bangsa Johor melahirkan bakat-bakat baru dan mencungkil lebih ramai atlet-atlet muda untuk mewakili negeri Johor dalam bidang sukan? Adakah kerajaan bercadang untuk menambah lagi kategori sukan yang lain seperti badminton pada masa akan datang?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 14 (A195)

Dalam menuju Negara Tua pada tahun 2030, apakah perancangan dan persediaan jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kerajaan Negeri Johor bagi menghadapi peningkatan bilangan warga emas di negara ini dan khususnya di Negeri Johor.

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 15 (A131)

Mohon penjelasan kerajaan negeri bagi menangani masalah banjir kilat di kawasan-kawasan perumahan di Puteri Wangsa, terutamanya Jalan Jenawi 7, Taman Puteri Wangsa.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 16 (A227)

Berapakah jumlah peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan pencahayaan jalan kampung untuk tahun 2023 dan 2024 mengikut DUN di dalam negeri Johor?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 17 (A77)

Kekurangan dan penambahan van ambulans (pengangkutan) di Klinik Kesihatan Tanjung Sedili & Klinik Kesihatan Gugusan Waha serta keperluan baik pulih kenderaan (ambulans) sangat perlu diambil berat memandangkan keperluannya sangat diperlukan. Mohon perkongsian gerak kerja dan perancangan yang akan dilaksanakan.

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 18 (A198)

Semak semula dan memperhalusi penguatkuasaan bagi benteng-benteng rizab JPS dari pencerobohan setinggian yang telah menyebabkan pelancongan tersekat kerana pembangunan tidak dapat dibuat di kawasan-kawasan yang telah dijadikan sebagai "rumah" atau "tempat tinggal" penceroboh ini.

YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN 19 (A224)

Adakah pihak MBBJ melakukan tinjauan berkala dan tindakan segera keadaan jalan di kawasan tumpuan penduduk seperti di Denai, Cempaka, Lurah, Banjaran, Permatang, Jalan keluar daripada Jalan Ledang di Taman Johor yang keadaan jalannya teruk.

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 20 (A60)

Tiram putih atau *Crassostrea* (Magallana) Saidi spesies tiram terbaik yang hanya ditemui di Muara Sungai Muar. Apakah inisiatif kerajaan negeri bagi memastikan spesies ini terus berkembang, terpulihara dan menjadikannya salah satu aset pelancongan bagi Daerah Muar.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 21 (A20)

Bagaimanakah sambutan program Semarak Subuh yang bermula awal tahun yg lepas? Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah lagi peruntukan kepada semua ADUN bagi menyemarakkan lagi penyertaan rakyat dalam program ini seperti kehadiran mereka semasa solat Jumaat?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 22 (A129)

Minta kerajaan negeri menjelaskan perincian perbelanjaan RM9 juta yang telah diperuntukkan bagi memperbaiki jalan di kawasan FELDA Ulu Tebrau dan adakah jumlah perbelanjaan tersebut mencukupi bagi menyelesaikan masalah utama jalan di kawasan tersebut?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 23 (A208)

Berapa peratus pelaksanaan pemasangan lampu solar sama ada lokasi bandar ataupun luar bandar yang telah dipasang terutama bagi jalan kampung yang tiada laluan tenaga elektrik dan dimanakah lokasinya.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 24 (A78)

Keperluan semasa dan jarak Balai Bomba sedia ada (jarak lebih kurang 60 km) ke Tanjung Sedili, maka DUN Sedili mohon agar Balai Bomba Dan Penyelamat perlu dibangunkan di kawasan Tanjung Sedili dalam masa terdekat.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 25 (A200)

Ramai peniaga makanan berhadapan dengan masalah pembaharuan FOSIM di atas talian. Aduan bertulis melalui email telah dibuat tetapi tiada maklum balas dari pihak kesihatan. Apakah yang boleh dibantun oleh pihak kesihatan negeri bagi mengatasi masalah ini?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 26 (A62)

Tunku Mahkota Ismail Youth Center menjadi salah satu mercu pembangunan kemudahan sukan yang ada di Daerah Muar. Adakah ada perancangan kerajaan negeri untuk mewujudkan sebuah lagi sekolah sukan di Daerah Muar bagi menyokong pembangunan sukan di negeri ini.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 27 (A217)

Adakah kerajaan negeri akan melibatkan ADUN-ADUN yang lebih mengetahui unsur-unsur keunikan setempat bagi merangka, mencadangkan program atau destinasi bagi Tahun Melawat Johor 2026 bagi hasil yang lebih baik?

YB DATO' HJH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 28 (A173)

Sempena Tahun Melawat Johor 2026, apakah perancangan kerajaan untuk menarik pelancong ke daerah Kluang?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 29 (A179)

Nyatakan impak terhadap KFC ketika kempen boikot anti-Israel berterusan sejak tahun lalu di Negeri Johor termasuk revenue tahun 2022, 2023 dan 2024, berapakah bilangan pekerja yang terjejas dan bilangan kedai KFC yang tutup sementara.

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 30 (A128)

Baru-baru ini terdapat kes-kes jenayah pinjaman wang "loan Shark" rentas sempadan, di mana urusan transaksi pinjaman wang dijalankan di Singapura dan ugutan keluarga dikenakan terhadap keluarga mangsa di Malaysia. Apakah usaha kedua-dua negara untuk menangani masalah ini?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 31 (A104)

Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pelancongan di kawasan Pekan Nanas, seperti kemudahan penginapan dan aktiviti pelancongan?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 32 (A214)

Apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk menggalakkan pembangunan industri 'Agro-Tourism' dan 'Homestay' dalam kampung-kampung di luar bandar bagi meningkatkan pendapatan dan sumber ekonomi kampung-kampung tersebut khususnya di Senggarang?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 33 (A71)

Apakah status peruntukan RM3 juta melalui Yayasan Sultanah Fatimah dan Yayasan Sultanah Rogayah bagi Bantuan Persekolahan Masyarakat Tionghoa, India dan lain-lain?

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU SULTAN JOHOR.

----- (PERBAHASAN) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Rabu, 15 Mei 2024, jam 9.30 pagi.